

EKONOMI BERKEMBANG 4 PERATUS

KUALA LUMPUR, Selasa — Ekonomi negara diramalkan berkembang pada kadar 3.9 hingga 4 peratus tahun ini berbanding dengan 6.1 peratus pada tahun lalu.

Timbalan Menteri Kewangan, Encik Sabaruddin Chik berkata, kerajaan telah mengambil beberapa langkah perlu dalam usaha mengurangkan tekanan kemelesetan ekonomi dunia.

Hasil dari langkah-langkah yang diambil, kemelesetan ekonomi dunia tidak banyak mendatangkan kesan buruk kepada pertumbuhan ekonomi negara, katanya ketika menjawab soalan tambahan anggota (BN-Pasir Putih), Wan Najib Wan Mohamed.

Kepada pertanyaan tambahan Encik Ismail Said (BN-Kemaman), beliau berkata, kemelesetan ekonomi dunia tidak menjejaskan nilai mata wang ringgit di pasaran antarabangsa.

Beliau menjelaskan, "Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah fiskal dan kewangan bagi membolehkan mengekalkan tingkat pertumbuhan ekonomi yang tinggi di negara ini memandangkan kemelesetan ekonomi yang mula wujud dalam tahun 1980.

Pinjaman

"Beberapa galakan-galakan telah diberi kepada sektor swasta bagi membantu sektor ini menghadapi keadaan kemelesetan, memperbaiki prestasi mereka serta menambah perbelanjaan-perbelanjaan pelaburan dan penguatannya.

"Galakan-galakan ini termasuk langkah-langkah memperbaiki mutu dan persaingan sektor eksport kita."

Kerajaan juga jelasnya mempastikan bahawa sektor swasta mendapat sumber kewangan yang cukup dari bank-bank dalam negeri dengan kos yang munasabah.

Di samping itu, tambahnya, bank-bank digalakan memberikan pinjaman untuk pelaburan terutama sekali yang meningkatkan pengeluaran.

"Garis-garis panduan untuk tujuan ini telah dikeluarkan bagi memastikan bahawa sektor-sektor utama ekonomi mendapat pembagiannya yang secukupnya di dalam perkembangan kredit bank.

"Kerajaan telah juga mengambil beberapa

langkah dalam tahun ini bagi meningkatkan kecakapan dan daya keluaran perkhidmatan awam supaya perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai lebih sempurna lagi.

"Suka dinyatakan bahawa dengan usaha-usaha kerajaan, dan sumbangan dari sektor swasta dan semua golongan masyarakat, kita telah dapat mencapai pertumbuhan yang memuaskan walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang muram ini," tambahnya.

Membantu

Encik Sabaruddin berkata dengan langkah-langkah ini, ekonomi Malaysia telah mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi dalam tahun 1980 dan 1981, manakala kebanyakan negara-negara lain mencapai pertumbuhan yang lebih rendah atau mungkin kadar pertumbuhan yang negatif.

"Di dalam ucapan belanjawan pada 22 Oktober ini, akan disetujui dengan dengan panjang lebar mengenai keadaan ekonomi negara serta langkah-langkah tambahan yang akan diambil oleh kerajaan bagi membantu negara kita menghadapi keadaan kemelesetan ini dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara pada tahap yang memuaskan.

"Kita percaya bahawa keadaan ekonomi kita akan beransur-ansur pulih dalam tahun 1983 dengan langkah-langkah yang akan diumumkan nanti," tambahnya.

TIDAK ADA STESEN BAGI BAS PESIARAN

KUALA LUMPUR, Selasa — Dewan Rakyat diberitahu, kerajaan tidak bercadang mengadakan perhentian bas-bas pelancongan kerana bas-bas tersebut dibekalkan dengan lesen yang disyaratkan mengangkut pelancong-pelancong di tempat-tempat tertentu sahaja.

Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon berkata demikian dalam jawapan bertulisnya kepada soalan Encik Mohd. Razalan Haji Abdul Hamid (BN-Matang).

Datuk Lee berkata, kerajaan sedar bilangan kecil bas pelancongan menggunakan perhentian bas ekspres, khususnya Perhentian Puduraya.

Katanya, perbuatan bas-bas pelancongan mengangkut penumpang seperti bas ekspres adalah melanggar syarat dalam lesen.



ENCIK SABARUDDIN CHIK

Asrama untuk semua sekolah vokasional

KUALA LUMPUR, Selasa — Semua sekolah vokasional akan ditingkatkan dengan asrama supaya dapat menampung dan memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar dari luar bandar.

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Tan Tiong Hong berkata, pembinaan sekolah-sekolah vokasional di kawasan luar bandar dan berhampiran dengan bandar-bandar kecil memang dirancang dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Langkah ini selari dengan Perakuan Jawatankuasa Kabinet Mengaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Hajji Seraji Haji Haron (BN-Baling) di Dewan Rakyat, hari ini.

Menjawab soalan lain dari Encik Seow Hun Khim (BN-Bukit Mertajam) yang ingin tahu sama ada guru-guru Sekolah Rendah Cina di hari persekolahan penggal ketiga, Dr. Tan berkata,

"Adalah benar bahawa sebahagian guru dari semua aliran sekolah rendah dan tidak hanya terhad kepada guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) menghadiri kursus perkhidmatan mengenai sistem 3M pada hari-hari persekolahan dalam penggal ketiga."

Kursus ini diadakan pada masa cuti persekolahan atau hujung minggu supaya tidak mengganggu perjalanan persekolahan.

36,445 hektar tanah terbiar di 4 negeri

KUALA LUMPUR, Selasa — Dewan Rakyat diberitahu, luas tanah terbiar di empat negeri di utara Semenanjung, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, ialah 36,445 hektar.

Timbalan Menteri Pertanian, Encik Luhut Wan ketika menjawab soalan Dr. Kob Tso Koon (BN-Tanjung) memberitahu, di Perlis, kesemua 1,880 hektar tanah terbiar adalah tanah sawah.

Haram arak perlu diteliti

KUALA LUMPUR, Selasa — Dewan Rakyat diberitahu, langkah mengharuskan penjualan semua jenis minuman keras di negara ini perlu dikaji dengan teliti dan mendalam.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nasir, ini memandangkan implikasinya kepada suasana masyarakat majmuk di negara ini.

"Bagi orang-orang Islam, mereka benci hendak mengukuhkan iman," katanya menjawab peranyaan Datuk Haji Abu Bakar Umar.

Di Kedah pula, dari jumlah 7,730 hektar, 4,647 hektar adalah tanah sawah dan 3,083 bukan sawah.

Di Pulau Pinang, seluas 7,479 hektar tanah sawah terbiar termasuk 6,476 hektar di Seberang Perai dan 1,012 hektar di Balik Pulau.

Encik Luhut Wan menegaskan, Perak adalah negeri yang mempunyai banyak tanah terbiar iaitu 19,456 hektar. Dari jumlah itu, 11,775 hektar adalah tanah sawah dan 7,681 hektar bukan sawah.

Tanah-tanah ini terbiar kerana tidak ekonomik, kemudahan-kemudahan infrastruktur yang kurang sempurna, kekurangan tenaga kerja kerana saingan peluang pekerjaan di sektor lain yang lebih menarik.

Kerajaan, katanya, akan membantu para petani atau tuan-tuan tanah mengusahakan semula tanah-tanah terbiar dengan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lebih sempurna, bahan-bahan input dan khidmat-khidmat sokongan yang diperlukan.

Menjawab soalan tambahan Hajji Hashim Endut (BN-Hulu Muda) yang ingin tahu bila kerajaan memperkenalkan projek Mada Kedua, beliau berkata,

"Kerajaan memang bercadang memperkenalkan projek Mada Kedua, tapi kerajaan harus teliti terlebih dahulu kerana ia melibatkan masalah pembangunan dan sikap petani sendiri," katanya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Sistem keselamatan jalan raya akan dilaksana lepas pindaan

KUALA LUMPUR, Selasa — Sistem keselamatan jalan raya (KEJAR) akan dilaksanakan bila selesai dibuat pindaan kepada ordinan Lalulintas 1958, demikian Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abu Hassan Haji Omar memberitahu anggota (BN Hulu Selangor), Datuk Lee Kim Sai semasa soal jawab sistem berkenaan bertujuan mewujudkan para pengguna jalan raya yang berdisiplin dan bertanggungjawab.

Ini, seterusnya akan dapat mengurangkan kejadian kemalangan jalanraya, tambahnya.

"Memang benar kerajaan akan melaksanakan satu sistem di mana

pemandu-pemandu kenderaan yang disabitkan kesalahan lalulintas dan ditukuk, baik oleh mahkamah ataupun pihak berkuasa lain.

"Mereka diberi pula mata kesalahan/markah jelaannya," tambah beliau.

Di samping itu, jelasnya markah-markah juga, di bawah sistem yang dinamakan "Bonus point sistem", akan diberi kepada pemandu-pemandu kenderaan yang tiada melakukan apa-apa kesalahan lalulintas.

Sistem ini, seperti "sistem keselamatan jalan raya" hanya akan dilaksanakan selepas kajian yang mendalam diperbuat, katanya.